

07 JUL 2001

BSA-F1 (Bergambar)

RIM BUATAN MALAYSIA BERSAING DI FORMULA SATU TAHUN HADAPAN

Oleh: Emillia Rosnizar

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Para pemandu...pasangkan tali pinggang keledar anda dan bersedia dengan berita ini: BSA Manufacturing Sdn Bhd, pembuat rim aloi magnesium, yakin akan mendapat kontrak untuk membekalkannya kepada sekurang-kurangnya satu pasukan Formula Satu (F1) tahun hadapan.

BSA atau Berani, Atomotif Berjaya Penuh Bergaya (Bold, Stylishly Successful Automotive) menurut kata pengerusi eksekutif kumpulannya, Datuk Dr Cam Soh Thiam Hong, telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pasukan mengenai perkara itu.

Penyertaan BSA ke dalam kejuaraan dunia F1 yang akhirnya berlaku itu mengikut jejak Petronas kira-kira empat tahun lalu apabila ia berpadu dengan Red Bull Sauber untuk menaikkan jenamanya dan meningkat kepakaran kejuruteraan automotif di kalangan rakyat Malaysia.

Penglibatan penting Malaysia dalam F1, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan terus ditingkatkan jika pemandu negara Alexander Yoong dapat berlumba seawal Ogos ini atau awal tahun hadapan dengan pasukan Eropah Minardi milik Paul Stoddart.

Penyertaan ke F1 mungkin suatu cita-cita yang tinggi bagi sesetengah orang tetapi tidak bagi Dr Cam. Beliau berkata adalah selalu menjadi impian BSA untuk menyertai F1 yang beliau anggap sebagai kemuncak persaingan dalam industri automotif.

"Setiap pengeluar automotif mensasarkan F1 untuk membuktikan nilai dan kualiti mereka. Malah para pengeluar penggilap kereta juga," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di pejabatnya di Rawang baru-baru ini.

Mensasarkan F1 juga merupakan sebahagian daripada rancangan pembangunan lima tahun BSA, katanya. BSA mempunyai empat kilang, dua di Rawang, Selangor dan dua di Alor Gajah, Melaka.

Berupaya membekalkan rim aloi magnesium kepada satu pasukan F1 akan merupakan satu langkah ke hadapan bagi BSA dan satu loncatan yang besar bagi industri automotif Malaysia, kata Dr Cam.

BSA telah mengadakan perbincangan awal dengan beberapa pasukan F1 dan maklumbalas yang diterima adalah positif, kata beliau.

"Kami telah berbincang dengan satu pasukan tahun lepas dan tahun ini perbincangan bertumpu kepada dolar dan sen," kata Dr Cam.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu identiti pasukan mana yang akan menggunakan rim BSA. "Tunggu sehingga musim hadapan," kata beliau apabila didesak mengenainya. Terdapat 12 pasukan yang akan bersaing pada musim akan datang dengan terbaru ialah Toyota yang ditaja oleh Matsushita.

Dr Cam menganggarkan BSA akan membelanjakan RM200,000 hanya untuk satu perlumbaan sekiranya ia membekal kepada F1.

"Sekiranya kami menyertai 20 perlumbaan, kami akan membelanjakan RM4 juta hanya untuk rim sahaja," kata beliau secara andaian. Terdapat 17 perlumbaan dalam satu musim F1.

Dr Cam berkata jumlah pelaburan bagi pembekalan rim kepada satu pasukan F1 ialah RM10 juta termasuk semua perbelanjaan.

Bagi memenuhi spesifikasi ketat perlumbaan F1, beliau berkata BSA akan mula mengeluarkan rim aloi magnesium menjelang hujung tahun ini.

"Kami boleh mengeluarkan 12,000 keping setiap tahun, bermakna 3,000 set kesemuanya," jelas beliau.

Setiap pasukan F1 memerlukan kira-kira 2,000 set dalam satu musim termasuk ujian dan latihan.

"Pengeluaran kami (aloi magnesium) adalah hanya untuk F1 dan kami akan mempunyai baki hanya 1,000 set," kata beliau.

Dr Cam berkata Malaysia akan menjadi negara pertama di Asia Tenggara untuk mengeluarkan rim aloi magnesium untuk F1 dan yang kedua di Asia selepas Jepun.

Beliau berharap penglibatan BSA dalam F1 akan menunjukkan bahawa produknya adalah setaraf dengan jenama terkenal yang lain.

Sebagai permulaan, beliau berkata BSA menyertai industri sukan bermotor secara bersungguh-sungguh dengan menaja satu pasukan dalam Perlumbaan GT Jepun-Pusingan Malaysia di Sepang baru-baru ini.

Walaupun pasukan itu tidak berjaya menaiki podium, Dr Cam berkata objektif utama adalah untuk membuktikan yang rim BSA boleh bertahan dalam keadaan yang mencabar. Dan mereka telah melakukannya.

Di samping sukan bermotor, beliau mendedahkan yang BSA telah menandatangani kontrak selama setahun untuk membekalkan rim aloi aluminium untuk kegunaan KIA Spectra.

Syarikat itu mula membekalkannya mulai Mei tahun ini kepada sebuah kilang di Pekan yang memasang kenderaan KIA.

"Kami membekalkan 1,000 keping sebulan pada kadar RM150,000," kata Dr Cam.

Semasa ditanya mengenai Proton, beliau berkata BSA berharap untuk membekalkan rim bagi Perdana V6 menjelang November atau selewat-lewatnya Februari tahun depan.

Proton, kata beliau, telah meminta BSA mengeluarkan 20,000 keping rim aloi aluminium V6 setiap bulan dengan nilai kontrak sebanyak RM2.4-RM2.5 juta. -- BERNAMA

ER SHY MFJ NHD